

BULETIN

# PATROOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN

EDISI 1/2022 (JAN - APRIL)

ISSN 1511-1849



## DSA 2022 DAN NATSEC ASIA 2022 : KE ARAH ERA BAHARU PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

AMANAT MENHAN 2022 :  
MENGGARISKAN PELAN  
TINDAKAN 2022 (PT22)

APC DAN PPT  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
2022





# ISI KANDUNGAN DAN MUKA SURAT

## Buletin PATRIOT Siri 1/2022 (Januari - April)

Muka Depan

01

Isi Kandungan

02

Editorial

03

Amanat Menhan 2022 :  
Menggariskan Pelan Tindakan  
2022 (PT22)

04

DSA 2022 dan NATSEC ASIA 2022 :  
Ke Arah Era Baharu Pertahanan  
Dan Keselamatan

06

Lensa DSA 2022 Dan  
NATSEC ASIA 2022

08

Lawatan Kerja Menteri Kanan  
Pertahanan Ke Sabah

10

Menteri Kanan Pertahanan Tinjau  
Lokasi Banjir Di Johor

11

Wisma Bintara Angkatan Tentera  
Malaysia Bukti Keprihatinan MinDef

12

Pendigitalan Sistem Telefoni  
Bersepadu (STDB) Ibusawat  
Kementerian Pertahanan

13

Persidangan Mesyuarat ACDFM-19  
Di Kemboja

14

APC Dan PPT Kementerian  
Pertahanan 2021

15

Helikopter MD 530G Bukti  
Pemeriksaan Tempur  
Sebilang Masa

16

Kesejahteraan Dan Kebajikan  
Fokus Utama Tentera Darat  
Sempena HTD Ke-89

17

18

Eksekais Ostex East Siri 1/22

19

Hari TLDM Ke-88  
Suntik Semangat *The Navy People*

20

Tentera Udara Diraja Malaysia  
Terima Helikopter AW139

21

Panglima Tentera Udara Ke-20 :  
Jen Dato' Sri Mohd Asghar Khan  
bin Goriman Khan TUDM

22

Kerjaya Ekonomi Gig Untuk  
Veteran ATM

24

PRUV ATM PERHEBAT Bimbing  
Veteran Tentera Terjejas COVID-19

25

Pusat Latihan dan Bimbingan  
Veteran ATM (PLBV) Inisiatif  
PERHEBAT Memartabatkan Kerjaya  
Kedua Veteran

26

Sambutan Hari Wanita Dan  
Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA  
Cawangan MinDef Ke-39

27

KAKEP Prihatin

28

Tips Menjadikan Hidup Anda  
Lebih Bermakna

30

Sumbangan Hari Raya Aidilfitri  
Kepada Angkatan Tentera Malaysia

31

Tahukah Anda - Aplikasi Mywira

32

Infografik Blueprint Perumahan  
MinDef 3.0

# SIDANG EDITORIAL

## PATRIOT EDISI 1/2022

### Penaung

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

### Penasihat

Adreena binti Abdul Majid  
Ketua Komunikasi Strategik

### Ketua Editor

Saiful Hisham bin Mansor  
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

### Penolong Ketua Editor

Lt Kol Zuhairy bin Limat

### Editor

Mej Hafiza bin Ismail  
Muhammad Syurahbil bin Hashim  
Mazaitul Azwa binti Abdullah

### Tim Editorial

Nur Ina Fazira binti Mazelan  
Siti Hamizah binti Helmi

### Foto

Unit Komunikasi Strategik,  
Perhubungan Raya Tentera Darat,  
Perhubungan Raya Tentera Laut Diraja Malaysia,  
Perhubungan Tentera Udara Diraja Malaysia,  
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan dan  
Angkatan Tentera Malaysia

- ☎ 03 - 4012 3305
- 🌐 [www.mod.gov.my](http://www.mod.gov.my)
- ✉ [penerbitan.uks@gmail.com](mailto:penerbitan.uks@gmail.com)
- 🇲🇾 Kementerian Pertahanan Malaysia
- 📷 [mindefmalaysia](https://www.instagram.com/mindefmalaysia)
- 🐦 [@MINDEFMalaysia](https://twitter.com/MINDEFMalaysia)
- 📺 Kementerian Pertahanan
- 📺 MINDEF MALAYSIA



## DARI MEJA EDITOR

### PANDEMIK KE ENDEMIK – BERSEDIakah KITA?

Pandemik bermaksud wabak yang jangkitannya meluas dengan merentas sempadan negara. Manakala Endemik pula bermaksud sesuatu keadaan wabak yang sentiasa ada, iaitu sesuatu penyakit yang tidak boleh dihapuskan sepenuhnya.

Setelah lebih dua (2) tahun pandemik COVID-19 melanda dunia pastinya memberi kesan terhadap kehidupan harian kita. Kini, negara kita telah beralih dari fasa pandemik ke fasa endemik.

Namun, bersediakah kita untuk menghadapi fasa endemik yang merupakan *exit strategy* untuk kembali hidup secara normal bersama virus ini? Adakah kita bersedia untuk hidup bersama virus ini apabila Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dilonggarkan satu persatu bagi kemudahan bersama?

Slogan 'Kita Jaga Kita' sering diuar-uarkan di media massa supaya kita sentiasa menjaga dan mendisplinkan diri agar melindungi diri serta keluarga kita dari terus dijangkiti virus ini. Slogan ini perlu disemai dalam diri setiap masyarakat di Malaysia bagi memastikan rantaian penularan virus ini dapat dibendung.





## AMANAT MENTERI KANAN PERTAHANAN 2022 : MENGGARISKAN PELAN TINDAKAN 2022 (PT22)

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Amanat Menteri Kanan Pertahanan 2022 pada 17 Januari 2022 bertempat di Wisma Perwira ATM.

Semasa sesi ucapan, beliau menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan telah memuktamadkan lapan (8) teras utama

baharu menerusi Pelan Tindakan 2022 (PT22) bagi menyelaraskan dasar kementerian. Teras tersebut adalah hasil buah fikiran, cadangan, pandangan dan pertimbangan beliau bersama-sama YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT), serta warga kementerian.

### PELAN TINDAKAN 2022

Lapan (8) Teras tersebut merangkumi :

**Kebajikan**

**Kesiagaan dan  
Keupayaan**

**Kerjasama Pertahanan  
Antarabangsa**

**Pemeriksaan  
Veteran ATM**

**Kompetensi  
Pertahanan**

**Kerjasama  
Awam-Tentera**

**Industri Pertahanan  
Nasional**

**Kesiagaan Terhadap  
Krisis Berskala Besar**



## KEBAJIKAN

- ◆ Blueprint Perumahan 3.0 MinDef.
- ◆ Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR).
- ◆ Menambah *Specialist Outreach Clinic* di kawasan pedalaman.
- ◆ Memastikan kadar dividen LTAT memuaskan.
- ◆ Melaksanakan pembinaan lima (5) poliklinik menjelang tahun 2024.

## KESIAGAAN & KEUPAYAAN

### TDM :

- ◆ Selenggara tujuh (7) unit Kereta Kebal PENDEKAR bermula Januari.
- ◆ Perolehan 31 unit Kenderaan Perisai 8x8 GEMPITA bermula Januari.

### TLDM :

- ◆ 4 unit LMS *Batch* Pertama telah selesai diterima dan dimanfaatkan sepenuhnya.
- ◆ 8 unit Perolehan LMS baharu menerusi *Batch* Kedua.
- ◆ 3 unit pesawat AW 139 atau Helikopter Operasi Maritim (HOM) TLDM daripada Itali bermula Mac.

### TUDM :

- ◆ Meningkatkan Keupayaan *Maritime Surveillance Aircraft* (MSA) ke atas 3 Pesawat CN235-200.
- ◆ Meningkatkan keupayaan F/A18D melalui program *Service Life Extension Program* (SLEP).
- ◆ Meningkatkan keupayaan Airbus A400M melalui pendekatan *Retro fit New SOC 2.2*.



## DIPLOMASI PERTAHANAN

- ◆ *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) akan dipertingkatkan ke peringkat Menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia dan Filipina.
- ◆ Menerima kunjungan Menteri Pertahanan Perancis pada 23 Januari 2022.
- ◆ Mengadakan mesyuarat *General Border Committee* Malaysia - Indonesia (GBC MALINDO) pada Februari dan Malaysia akan menjadi tuan rumah.
- ◆ Mengajukan DSA 2022 pada 28-31 Mac 2022.
- ◆ Memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) Malaysia dan Indonesia.
- ◆ Mengadakan *55th General Border Committee* Malaysia-Thailand pada 26 Mei 2022.

## MEMPERKASA VETERAN ATM

### Elaun Kenangan Pingat Jasa

Sebagai tanda menghargai jasa Veteran ATM kepada negara, MinDef dan ATM sedang berusaha untuk mendapatkan elaun ini daripada pihak kerajaan.








## DSA 2022 DAN NATSEC ASIA 2022: KE ARAH ERA BAHARU PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

Pameran Defence Security Asia (DSA) 2022 dan National Security (NATSEC) Asia 2022 telah berlangsung dengan jayanya selama empat (4) hari bermula pada 28 Mac 2022 hingga 31 Mac 2022 bertempat di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur. Acara dwitahunan ini merupakan acara mega dan terbesar di rantau ASEAN dan juga dunia. Kali terakhir pameran ini dilaksanakan adalah pada tahun 2018 dan pada tahun 2020 tidak dapat dilaksanakan ekoran penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara.

Pameran kali ini bertemakan “Ke Arah Era Baharu Pertahanan dan Keselamatan”. Majlis Pelancaran atau *gracing ceremony* DSA dan NATSEC ASIA 2022 telah disempurnakan oleh

YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan dan YB Dato’ Seri Hamzah bin Zainuddin, Menteri Dalam Negeri pada 28 Mac 2022 di MITEC.





Pameran ini menjadi platform bagi pemain-pemain utama dalam industri pertahanan dan keselamatan untuk mempamerkan produk, pertukaran idea dan teknologi serta perkongsian dalam menjalin kerjasama strategik antara negara-negara yang terlibat. Sepanjang penganjuran ini berlangsung telah menyaksikan sebanyak RM7.1 billion kontrak dan MoU berjaya ditandatangani. Selain itu, pameran ini menghimpunkan sejumlah 1,096 syarikat yang terdiri daripada 49 buah negara yang mengambil bahagian dan sebanyak 20 pavilion antarabangsa terlibat dalam pameran ini. Antara syarikat yang terlibat ialah Deftech (DRB Hicom Defence Technologies), Rohde & Schwarz Malaysia, ADS (Advanced Defence Systems), Seoul International Aerospace dan Defence Exhibition dan lain-lain lagi. Seramai 35,567 pengunjung telah menghadiri pameran yang berlangsung selama empat (4) hari dan seramai 380 orang delegasi VIP (asing dan tempatan) turut hadir pada pameran ini.

Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) dan Kementerian Pertahanan telah menganjurkan Forum Putrajaya yang merupakan persidangan antarabangsa mengenai pertahanan dan keselamatan yang melibatkan penyertaan daripada pembuat dasar, ahli-ahli pemikir dan ahli akademik bagi membincangkan dan berkongsi pandangan serta pendapat mengenai isu-isu pertahanan serta keselamatan serantau dan antarabangsa.

Secara keseluruhannya penganjuran DSA 2022 dan NATSEC Asia 2022 telah mendapat maklum balas yang positif daripada pengunjung. Penganjuran ini dilihat merangsang perkongsian maklumat, mengeratkan hubungan antara pemain industri bersama agensi pertahanan dan keselamatan di samping mempamerkan aset-aset pertahanan dan keselamatan yang canggih daripada pelbagai negara. Semasa sesi perasmian penutupan DSA dan NATSEC ASIA 2022 pada 31 Mac 2022, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan bahawa penganjuran DSA dan NATSEC 2024 dijadualkan akan diadakan pada 6 hingga 9 Mei 2024.









# DSA 2022 DAN NATSEC ASIA 2022





## LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE SABAH

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Sabah selama dua (2) hari pada 13 dan 14 Januari 2022. Lawatan kerja ini memberi tumpuan kepada penerimaan *Littoral Mission Ship* (LMS), Operasi MURNI (Op MURNI) Sabah serta Agenda Keselamatan dan Pertahanan Sabah.

YB Menteri Kanan Pertahanan telah berkesempatan melawat LMS keempat yang merupakan aset terbaharu Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Pangkalan TLDM, Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu. Beliau juga berkesempatan melawat tiga (3) buah LMS yang lain iaitu KD KERIS, KD SUNDANG dan KD BADIK. LMS yang keempat dinamakan RENCONG dan ditauliahkan pada 28 Januari 2022 dan dinamakan Kapal Diraja (KD) RENCONG. Pihak TLDM akan memanfaatkan aset ini untuk mengukuhkan lagi tahap keselamatan di kawasan perairan Sabah melalui rondaan bagi menangani kegiatan jenayah rentas sempadan dan aktiviti pelanunan di laut.

Selain itu, kesiapsiagaan ATM dalam meneruskan kerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah bersama-sama agensi berkepentingan melalui Op MURNI terus berada di tahap tertinggi. Anggota ATM telah diaturgerak bagi membantu dan memindahkan mangsa banjir ke kawasan yang lebih selamat malah mereka juga turut menghantar makanan serta membantu penyediaan makanan di pusat-pusat pemindahan ketika Sabah dilanda bencana banjir.







## MENTERI KANAN PERTAHANAN TINJAU LOKASI BANJIR DI JOHOR

**YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan telah melakukan tinjauan ke lokasi banjir di Johor pada 3 dan 4 Januari 2022. Sebanyak enam (6) daerah di Johor yang terjejas dan Segamat merupakan daerah yang paling terkesan akibat bencana alam ini.**



Menteri Kanan Pertahanan telah menyantuni mangsa-mangsa banjir di Pusat Penempatan Sementara (PPS) yang terlibat antaranya PPS Kampung Muhibbah Paloh, Kluang, PPS Kg. Melayu Batu 4 Paloh, PPS SK Kahang dan PPS SK Tambang. Pasukan Perubatan Angkatan

Tentera Malaysia (ATM) dari Kor Kesihatan Diraja (KKD) telah diaturgerak bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawal penularan wabak COVID-19 terutamanya di PPS dan memberi rawatan awal kepada mereka yang memerlukan. Selain itu, ATM turut membantu memindahkan penduduk yang terjejas dengan menggunakan bot dan menghantar barang-barang keperluan asas ke PPS yang terlibat. Kementerian Pertahanan juga telah menyampaikan sumbangan berupa wang tunai bagi membantu meringankan beban mereka yang terjejas akibat banjir.





## WISMA BINTARA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BUKTI KEPRIHATINAN MINDEF

YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan telah merasmikan Wisma Bintara ATM pada 28 Januari 2022 bertempat di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

Pembinaan Wisma Bintara ATM merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertahanan dan ATM dalam menjaga kebajikan warganya selaras dengan Pelan Tindakan 2022 (PT 22) serta teras ketiga Pelan Strategik MinDef (PSM) yang menekankan aspek Pelestarian Kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan.

Fasiliti penginapan ini dilengkapi dengan 200 bilik untuk anggota yang berpangkat Sarjan hingga Pegawai Waran setaraf. Selain itu, wisma ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan peralatan moden termasuk surau, dewan *banquet*, gelanggang sukan, gimnasium, ruang istirahat dan kemudahan-kemudahan lain.






# PENDIGITALAN SISTEM TELEFONI BERSEPADU (STDB) IBUSAWAT KEMENTERIAN PERTAHANAN

Projek pendigitalan Sistem Telefoni Bersepadu (STDB) Ibusawat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Muez Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 21 Mac 2022.



Pembangunan sistem ini merupakan hasil kerjasama dengan pihak Telekom Malaysia (TM) dan dijalankan secara berfasa yang bermula pada Jun 2021 sehingga Disember 2023. Sistem ini akan menggantikan 153 buah ibu sawat sedia ada yang telah usang serta tidak ekonomi untuk dibaiki malah ketinggalan dari aspek penggunaan teknologi masa kini.



Antara pembangunan yang dilaksanakan melalui sistem ini ialah penyusunan semula sistem penomboran, sewaan, caj panggilan, lesen perisian, senggaraan peralatan, khidmat sokongan serta latihan kepada pengguna.

Sistem ini didatangkan bersama dengan *Secured Communication Application* iaitu *Own Unified Application (OurApp)* yang dibangunkan secara bersama antara ATM dan TM.

Selain itu, sistem ini telah meningkatkan infrastruktur dan tempat kerja yang lebih kondusif bagi Pegawai Khidmat Pelanggan Kementerian Pertahanan.







## PERSIDANGAN MESYUARAT ACDFM-19 DI KEMBOJA

**Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera telah menghadiri sesi persidangan mesyuarat 19th ASEAN Chief of Defence Forces (ACDFM-19) yang berlangsung pada 17 Mac 2022 di Phnom Penh, Kemboja.**



Bertemakan 'Solidarity for Harmonized Security' mesyuarat tersebut telah menghimpunkan penglibatan Panglima Angkatan Tentera dari negara-negara ASEAN yang lain bagi membincangkan, berkongsi maklumat dan bertukar pandangan mengenai isu keselamatan bersama di rantau ini.

Selain itu, mesyuarat juga dijadikan sebagai platform untuk mengukuhkan dan mengembangkan kerjasama dalam menangani pelbagai isu yang mengancam sektor keselamatan serta memperkukuh keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau. Secara tidak langsung, pertemuan bersama ini membuktikan semangat kerjasama, perpaduan yang erat serta persahabatan yang baik terjalin antara Malaysia dengan negara anggota ASEAN yang lain.





# APC DAN PPT KEMENTERIAN PERTAHANAN 2021

**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Pingat Perkhidmatan dan Pekerti Terbilang (PPT) peringkat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan pada 13 April 2022 bertempat di Grand Ballroom Hotel InterContinental, Kuala Lumpur.**

Bertemakan “Memperkasakan Legasi Keluarga Perkhidmatan Awam Cemerlang” telah menyaksikan seramai 381 penerima APC dan PPT yang terdiri daripada 291 kakitangan awam, 45 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 45 orang pesara awam (penerima PPT) yang bertugas di Wisma Pertahanan dan unit-unit tentera sekitar Lembah Klang.

Secara keseluruhannya, Kementerian Pertahanan dan ATM telah menganugerahkan APC bagi tahun 2021 kepada 10,437 orang yang terdiri daripada 864 orang kakitangan awam, 9,401 anggota ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) dan 172 orang pesara awam. Kesemua penerima APC menerima sijil dan hadiah prestasi wang tunai berjumlah RM1,000.00 sementara pesara awam pula menerima Sijil Penghargaan serta hadiah persaraan wang tunai berjumlah RM400.00 dan tambahan pingat PPT kepada mereka yang bersara wajib.



Selain itu, YB Menteri Kanan Pertahanan turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM400.00 dari Pusat Zakat dan Pejabat Menteri Kanan Pertahanan kepada 150 orang asnaf dari kalangan kakitangan awam Kementerian Pertahanan. Keutamaan sumbangan zakat ini adalah kepada penerima-penerima yang terdiri daripada Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal dan mualaf.







## HELIKOPTER MD 530G: BUKTI PEMERKASAAN TEMPUR SEBILANG MASA

**Penerimaan Helikopter MD 530G oleh Tentera Darat Malaysia (TDM) pada 28 Februari 2022 bertempat di Hangar 2 Invation Aero, Subang telah disaksikan oleh Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, Panglima Tentera Darat. Penerimaan aset ini membuktikan bahawa TDM sentiasa siapsiaga dalam usaha mengekang segala ancaman musuh dan memastikan kedaulatan serta keamanan negara kekal terjamin.**

Secara tidak langsung perolehan aset ini akan memperkukuhkan lagi aspek keselamatan serta kedaulatan negara. Selain itu, helikopter ini merupakan satu keperluan kepada TDM dan bertepatan dengan keperluan penugasan operasi di pesisir pantai.

Pesawat MD 530G berperanan sebagai helikopter tempur ringan dengan kemampuan menggempur kenderaan perisai ringan dan trup infantri pada jarak 500 meter sehingga 700 kilometer malah mempunyai ketangkasan melaksanakan tugas-tugas tinjauan udara. Pesawat ini juga dilengkapi senjata jenis *Gatling Gun* 7.62mm, *Heavy Machine Gun* 12.7mm dan pelancar roket 70mm. Pesawat MD 530G merupakan pesawat buatan Amerika Syarikat dan dibina oleh MD Helicopter Inc (MDHI).

Menurut Panglima Tentera Darat, tiga (3) pesawat akan ditempatkan di Sabah bagi menjaga keselamatan di kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur (ESCOM) manakala tiga (3) lagi akan diletakkan di Rejimen 881 Pasukan Udara Tentera Darat (PTUD) di Kem Mahkota Kluang sebagai persediaan dan kesiapsiagaan.







## KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN FOKUS UTAMA TENTERA DARAT SEMPERNA HTD KE-89

Sempena sambutan Hari Tentera Darat Ke-89, Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose bin Mohd Zain, Panglima Tentera Darat (PTD) telah menggariskan enam (6) fokus utama dan salah satu fokus yang ditekankan adalah kesejahteraan dan kebajikan anggotanya.



Selaras dengan itu, tema bagi sambutan Hari Tentera Darat (HTD) pada kali ini ialah "Kesejahteraan Keluarga Tentera Darat Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin". Acara sambutan Hari TDM diadakan di Padang Kawad, Kem Segenting, Port Dickson pada 1 Mac 2022.

Kesejahteraan dan kebajikan anggota meliputi aspek kemudahan rumah keluarga, kelesaan perumahan, pendidikan, kesihatan yang merupakan aspek penting dalam memastikan moral serta semangat anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) sentiasa berada di tahap yang maksimum dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk negara. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pertahanan dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan anggotanya terus terjamin. Antaranya Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT), Satu Rumah Satu Anggota (SASaR),

Perumahan Veteran Angkatan Tentera, Poliklinik ATM dan sebagainya.

Selain itu, lima (5) fokus yang lain meliputi usaha meningkatkan kesiagaan dan keupayaan TDM, penstrukturan dan penyusunan organisasi TDM, pemerkasaan tadbir urus dan perbelanjaan berhemah, meningkatkan diplomasi pertahanan dan membantu kerajaan dalam operasi ketenteraan selain peperangan. Keenam-enam fokus ini perlu difahami, diteliti, diperhalusi dan diambil tindakan oleh setiap peringkat pemerintahan berdasarkan peranan masing-masing.

Pada tahun ini, sambutan HTD Ke-89 dimeriahkan dengan demonstrasi dinamik yang mempamerkan keupayaan aset dan kompetensi TDM dan disusuli dengan perbarisan tempur. Antara aset yang terlibat dalam segmen demonstrasi dinamik ialah ASTROS, Kereta Kebal PT91M PENDEKAR, Kenderaan Perisai 8x8 GEMPITA, Kenderaan Berperisai Berantai ADNAN, Kenderaan Berperisai 4x4 LIPAN BARA, Meriam 105mm LG 1 MK III, Helikopter LOH A109 Agusta, SUPACAT, Kenderaan Pengangkut Senjata VAMTAC, Scrambler, 72 Bot Tempur dan *Rigid Inflatable Boat* (RIB) dan pelbagai aset lain.







## EKSESAIS OSTEM EAST SIRI 1/22

Eksesais pelayaran *Operational Sea Training Exercise East (OSTEX EAST)* siri 1/2022 atau dikenali sebagai ekksesais OSTEM EAST siri 1/22 telah berjaya dilaksanakan di Perairan Laut China Selatan. Ekksesais yang dijalankan selama 11 hari bermula dari 14 sehingga 24 Mac 2022 telah melibatkan aset-aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dari Armada Timur dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Labuan.

Penekanan utama ekksesais OSTEM EAST telah diberikan dalam aspek latihan kemahiran seperti komunikasi, navigasi, peperangan dan juga ilmu kelautan bagi memastikan peningkatan kompetensi warga kapal. Ekksesais ini akan dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan tahap kesiapsiagaan warga TLDM sentiasa berada pada tahap yang optimum. Seramai 600 anggota telah terlibat dalam ekksesais kali ini.

Sebanyak lapan (8) buah kapal TLDM iaitu KD PERAK, KD SUNDANG, KD BADIK, KD RENCONG, KD GANAS, KD SERANG, KD TODAK dan KD BAUNG serta sebuah kapal selam, sebuah helikopter FENNEC, sebuah pesawat *Unmanned Aerial Surveillance (UAS) Scan Eagle* dan dua (2) buah pesawat Hawk milik TUDM yang terlibat dalam latihan ini. Kehadiran aset-aset TLDM di Laut China Selatan melalui ekksesais ini membuktikan bahawa TLDM sentiasa siapsiaga dan komited dalam menjaga perairan negara.







## HARI TLDM KALI KE-88 SUNTIK SEMANGAT *THE NAVY PEOPLE*

**“TLDM Siaga Kedaulatan Terpelihara” merupakan tema sambutan Hari TLDM kali Ke-88 yang diadakan di Padang Kawad KD PELANDOK Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut, Perak pada 27 April 2022.**

Pada sambutan kali ini, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut sekali lagi menggariskan empat (4) teras Hala Tuju TLDM sejak beliau mengambil alih tampuk kepimpinan TLDM.

Antara Hala Tuju TLDM adalah memberi keutamaan kepada kesiagaan Armada TLDM serta membangunkan semula Armada TLDM berlandaskan Program Transformasi TLDM *15to5* yang melalui proses rekalibrasi agar sesuai dengan perkembangan geopolitik dan strategik semasa.

Fokus ini dilihat melalui projek kapal *Littoral Mission Ship (LMS) batch* kedua dengan peningkatan keupayaan tempur yang lebih baik berbanding kapal LMS kelas KERIS. Peningkatan keupayaan tempur ini amat diperlukan kerana jurang keupayaan tempur yang dihadapi TLDM berada ditahap yang kritikal dan kira-kira 61 peratus aset TLDM kini menjangkau had umur asal reka bentuknya atau ayat mudah adalah keusangan.

Menjadi peranan utama TLDM untuk memastikan perairan negara terus aman daripada ancaman luar dan kekal siaga

dalam memperagakan kehadiran di laut bagi menghadapi sebarang kemungkinan melalui rondaan 24 jam. Kesiagaan Armada TLDM menjadi keutamaan untuk sentiasa berada di tahap kesiagaan tertinggi menjalankan misi **Melindungi Kedaulatan, Integriti Wilayah dan Kepentingan Maritim Negara.**

Selain itu, dua (2) fokus yang lain adalah untuk meningkatkan integrasi dan sokongan melalui aspek kebersamaan serta menyediakan modal insan terbaik untuk memenuhi keperluan masa hadapan. Ini dilihat dari pengorbanan, komitmen, disiplin dan profesionalisme yang menjadi bukti kesiapsiagaan Armada TLDM dari sudut sumber manusia. Tidak cukup sekadar keupayaan *The Navy People* sahaja, aset dan persenjataan juga memainkan peranan untuk membantu kejayaan ini.

Acara perbarisan tahun ini melibatkan 3 Divisyen bersamaan 12 kontinjen yang terdiri daripada 37 Pegawai dan 781 Anggota Lain-lain Pangkat (LLP). Panglima Tentera Laut turut menyampaikan anugerah di Auditorium M. Sidek Shabudin kepada warganya sebagai pengiktirafan atas jasa dan kecemerlangan mereka sepanjang perkhidmatan. Antara anugerah tersebut adalah Anugerah Markas Terbaik, Piala Agong, Piala Gonzales, Piala Panglima Tentera Laut, Bintara dan Laskar Terbaik TLDM, Esei Maritim, Anugerah Inovasi TLDM dan Anugerah Peserta Kursus Terbaik.





## TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA TERIMA HELIKOPTER AW139

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menerima tiga (3) buah pesawat helikopter jenis Leonardo AW 139 dan sebuah lagi dijadualkan akan diterima pada bulan Mei bagi menggantikan perkhidmatan helikopter jenis Sikorsky S-61 atau lebih dikenali Nuri yang telah ditamatkan penugasan pada 7 Ogos 2019.

Penerimaan helikopter ini adalah secara sewaan dengan konsep 'Government Operate, Company Own and Maintain' (GOCOM). Aset ini diperolehi menerusi satu Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM atau RMAF *Capability Development Plan 2055* (RMAF CAP55) yang telah digariskan dalam RMK-13 (2026 - 2030).



Pemilihan Leonardo AW 139 adalah kerana kemampuannya dalam melaksanakan operasi yang memberikan kepentingan taktikal, operasional dan strategik kepada TUDM serta ATM. Selain itu, AW 139 juga berkeupayaan melaksanakan peranan dan tugas '*utility fleet*' helikopter TUDM serta mampu beroperasi pada waktu siang dan malam. Helikopter ini akan dikendalikan oleh No 3 Skuadron.



Majlis Pengenalan Pesawat AW139 ini telah berlangsung pada 10 Februari 2022 di Pangkalan Udara Butterworth yang dihadiri oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM, Panglima Tentera Udara.



## PANGLIMA TENTERA UDARA KE -20 : JEN DATO' SRI MOHD ASGHAR KHAN BIN GORIMAN KHAN TUDM

Tanggal 7 Mac 2022, Jen Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM telah dilantik sebagai Panglima Tentera Udara ke-20 bagi menggantikan Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM yang bersara wajib pada bulan September 2022.

Majlis serah terima tugas telah diadakan di Pangkalan Tentera Udara, Subang dan telah disaksikan oleh Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT).



Serba ringkas biodata Jen Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM;

- ◆ Dilahirkan pada 26 Disember 1965 di Selangor.
- ◆ Mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Badlishah, Kulim, Kedah.
- ◆ Mula menceburi ATM pada 18 Julai 1983 sebagai Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja (MTD).
- ◆ Memulakan kerjaya sebagai juruterbang TUDM pada tahun 1985 dan telah menerbangkan pesawat pejuang A4 Skyhawk, F-5E, MiG-29N dan Sukhoi 30MKM.
- ◆ Mengikuti kursus jurulatih penerbangan di RAAF East Sale, Australia pada tahun 1992.
- ◆ Antara jawatan yang pernah disandang ialah Pegawai Memerintah No 19 Skuadron MiG-29N, Pegawai Memerintah No 11 Skuadron SU-30MKM, Komander Pangkalan PU Gong Kedak, Asisten Ketua Staf Operasi dan Strategi (Markas Tentera Udara), AKS Operasi dan Latihan (J3) Markas Angkatan Bersama, Panglima Pendidikan dan Latihan Udara dan Timbalan Panglima Tentera Udara.

Semoga TUDM terus maju jaya dan mampan dalam mempertahankan kedaulatan negara terutama aspek pertahanan udara di bawah kepimpinan Panglima Tentera Udara yang baharu.







# KERJAYA EKONOMI GIG UNTUK VETERAN ATM

Artikel Oleh : Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM

Majlis pelancaran Kerjaya Ekonomi Gig untuk Veteran ATM telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan bertempat di Wisma Perwira ATM, Kementerian Pertahanan pada 12 Januari 2022. Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bersama rakan strategik iaitu Syarikat Code 7 Tech Sdn Bhd (Code 7) akan memberi manfaat kepada para Veteran ATM dari segi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM dan peluang mendapatkan kerjaya kedua yang lebih luas terutamanya ketika berhadapan dengan fasa pandemik COVID-19.





Kerjaya Gig menerusi Code 7 menawarkan perkhidmatan berasaskan keselamatan adalah signifikan dengan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh Veteran ATM. Melalui konsep Gig yang membenarkan fleksibiliti masa dan lokasi merupakan 'bonus point' kepada Veteran ATM. Selain itu, tangga gaji yang lebih menarik ditawarkan oleh Code 7 sebagai tanda mengenang jasa Veteran ATM kepada negara.

Code 7 merupakan suatu ekosistem keselamatan komuniti yang pertama bukan sahaja di Malaysia, malah di dunia. Platform digital Code 7 ini membolehkan semua syarikat keselamatan untuk berganding bahu dan bersatu dengan misi untuk meningkatkan dan menaik taraf *standard* keselamatan Malaysia ke peringkat

yang seterusnya. Kejayaan pertama Code 7 melalui aplikasinya ialah penyediaan perkhidmatan keselamatan daripada syarikat keselamatan berlesen yang terdekat kepada pelanggan-pelanggan yang berdaftar untuk menjaga keselamatan premis mereka tidak kira sama ada mereka berada di dalam ataupun di luar premis tersebut.

Kementerian Pertahanan menzahirkan ucapan terima kasih kepada Syarikat Code 7 Tech Sdn. Bhd. yang sudi berkolaborasi melaksanakan inisiatif ini dalam agenda memartabatkan lagi segmen kerjaya kedua dalam kalangan Veteran ATM dan menyarankan agar Veteran ATM menyertai inisiatif ini bagi mendapatkan peluang kerjaya yang lebih luas.





## PRUV ATM PERHEBAT BIMBING VETERAN TENTERA TERJEJAS COVID-19

Artikel Oleh : Ahmad Rafizal bin Abdul Rahman  
Unit Komunikasi Strategik, PERHEBAT

**Hampir dua tahun Malaysia menghadapi cabaran pandemik COVID-19, kini Malaysia beralih ke fasa endemik. Fasa endemik ini merupakan *exit strategy* kepada rakyat Malaysia untuk kembali kepada kehidupan hampir normal selepas terkesan dengan penularan wabak COVID-19.**

Lantaran itu, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera (PERHEBAT) telah melaksanakan Program *Reskilling Upskilling* Veteran ATM (PRUV ATM) bermula pada Mac 2021 untuk membantu veteran tentera menjana ekonomi selepas tamat perkhidmatan. Inisiatif ini dijalankan dengan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan dalam Belanjawan 2021 dalam usaha untuk membantu kumpulan yang sukar mendapat pekerjaan dan memajukan kerjaya kedua melalui bimbingan yang diperlukan.

Sepanjang tahun 2021, Veteran ATM di seluruh negara telah disantuni bagi menganalisa status pekerjaan, jenis bantuan yang diperlukan dan masalah yang dihadapi sepanjang tempoh pandemik. Hasil bimbingan Sekretariat PRUV ATM yang ditubuhkan oleh PERHEBAT seramai 7,842 veteran seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut seramai 1,142 adalah Veteran ATM dari Johor telah menerima manfaat secara langsung melalui inisiatif penempatan pekerjaan dan penajaan semula pendapatan.

Kumpulan sasar ini dibimbing melalui empat (4) inisiatif merangkumi Bimbingan Kerjaya Bermajikan, Latihan & Kursus Jangka Pendek, Bimbingan Teknikal, Pertanian & Penternakan dan Bimbingan Usahawan & Peruncitan. Keberkesanan program yang dilaksana PERHEBAT ini dipantau sepenuhnya oleh Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA), Kementerian Kewangan agar segala manfaat dapat dinikmati oleh kumpulan sasar.

Majlis Penyampaian Sijil PERHEBAT & Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM Negeri Johor telah diadakan pada 9 Mac 2022 di Pusat Pertanian Ayer Hitam (PPAH) Ayer Hitam, Johor. Seramai 135 Bakal Pesara ATM telah berjaya menamatkan Latihan Peralihan dalam Kursus Keusahawanan PKS di PERHEBAT, Latihan Sambil Kerja, Pengurusan, Pertanian dan Teknikal & Vokasional. Karnival VETERANIaga yang menghimpunkan pelbagai produk hasil keluaran usahawan Veteran ATM Johor turut dianjurkan pada majlis tersebut.





## PUSAT LATIHAN & BIMBINGAN VETERAN ATM (PLBV) INISIATIF PERHEBAT MEMARTABATKAN KERJAYA KEDUA VETERAN

Artikel Oleh : Ahmad Rafizal bin Abdul Rahman  
Unit Komunikasi Strategik, PERHEBAT

Pada setiap tahun secara purata dianggarkan seramai 5,500 anggota ATM akan meninggalkan perkhidmatan dan yang paling ramai adalah dalam kalangan mereka yang berusia antara 33 hingga 42 tahun mewakili 67% hingga 75%. Daripada peratusan ini, sebanyak 25% hingga 30% daripada mereka meninggalkan perkhidmatan sebagai Veteran Tidak Berpencen.

Oleh yang demikian, bagi membantu sosioekonomi anggota yang menamatkan perkhidmatan khususnya yang tidak berpencen, maka PERHEBAT mengatur beberapa strategi untuk anggota bersedia melaksanakan kerjaya kedua mereka selepas tamat Program Latihan Peralihan.

Bermula tahun 2021, PERHEBAT telah membuka peluang kepada Bakal Pesara ATM menyertai pelbagai kursus yang diminati di bawah kendalian PERHEBAT. Bagi memenuhi permintaan anggota untuk mengikuti kursus di bawah PERHEBAT, maka PERHEBAT telah mewujudkan sebanyak 13 Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran (PLBV) di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Setakat ini, PLBV menyediakan kursus Perusahaan Kecil dan Sederhana yang tidak memerlukan penggunaan makmal dan bengkel.

Bagi tahun 2022, sebanyak 5,680 permohonan telah diterima dan 86% anggota ATM telah memilih untuk mengikuti Latihan Peralihan di PERHEBAT iaitu bersamaan dengan 4,883 orang. Daripada jumlah itu, seramai 2,403 memilih untuk menjalani Latihan Peralihan di Kompleks PERHEBAT manakala 2,480 telah memilih PLBV di negeri masing-masing. Angka yang memberangsangkan



ini membuktikan bahawa pendekatan baharu PERHEBAT mendapat sambutan daripada bakal pesara ATM.

PERHEBAT turut bertanggungjawab melaksanakan pemantauan terhadap kerjaya kedua veteran yang dilaksanakan selepas 6 bulan tamat perkhidmatan sehingga 5 tahun selepas tempoh tersebut. Justeru, sasaran ini menjadi salah satu Petunjuk Keberhasilan Utama (KPI) PERHEBAT. Dalam proses pemantauan ini, veteran yang memerlukan bimbingan akan dibimbing melalui kaedah khidmat nasihat, *coaching*, *mentoring* serta jaringan dari pelbagai agensi dan syarikat swasta seiring matlamat PERHEBAT memperkasa modal insan dan sosioekonomi Veteran ATM.





# SAMBUTAN HARI WANITA DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN MINDEF KE-39

Artikel Oleh : PUSPANITA

Sambutan Hari Wanita dan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan Kali Ke-39 telah diadakan serentak pada 8 Mac 2022. Bertemakan “Saksama Bersama”, sambutan Hari Wanita dan Mesyuarat Agung PUSPANITA MinDef telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan.

Turut diadakan adalah Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Anak-Anak Ahli PUSPANITA Tahun 2021, Anugerah Ikon PUSPANITA MinDef Tahun 2021 dan Anugerah Khas PUSPANITA MinDef Tahun 2021. Selain itu, Seminar Hari Wanita bertajuk “Wanita dan Cabaran Era Pandemik” serta pemberian bunga ros kepada setiap ahli Puspanita diadakan sebagai tanda simbolik bagi acara sambutan Hari Wanita Kementerian Pertahanan.

Selesai program sambutan Hari Wanita, acara diteruskan dengan Mesyuarat Agung PUSPANITA Kali Ke-39 diadakan selaras dengan Perlembagaan PUSPANITA. Mesyuarat yang diadakan adalah sebagai platform dalam melapor dan membincangkan hal ehwal persatuan dari segi pelaporan aktiviti tahunan serta laporan kewangan persatuan di samping mengeratkan silaturahim antara ahli-ahli PUSPANITA. Pada mesyuarat tersebut, YBhg. Datin Sri Rafidah binti Latif, Pengerusi PUSPANITA MinDef turut menyampaikan Anugerah Ahli/AJK Kerja/Biro PUSPANITA MinDef Cemerlang Tahun 2021.





## KAKEP PRIHATIN

Artikel Oleh : KAKEP

Tradisi penyampaian sumbangan “Back to School” Siri II dan sumbangan untuk ahli Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) yang terjejas teruk dengan banjir diteruskan oleh KAKEP. Penyampaian ini merupakan inisiatif pihak KAKEP dalam usaha membantu meringankan beban ahli KAKEP dan secara tidak langsung menzahirkan sikap keprihatinan KAKEP kepada ahli-ahlinya.

YBhg. Dato’ Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan telah menyampaikan sumbangan kepada ahli KAKEP yang terpilih pada 26 Januari 2022. Sumbangan “Back to School” berupa wang zakat dan barangan keperluan persekolahan. Manakala bagi warga kerja Kementerian Pertahanan yang terkesan akibat banjir menerima wang tunai dan barangan elektrik berserta perkakasan rumah bergantung kepada keadaan paras banjir rumah warga yang terlibat.

Diharapkan bantuan yang disalurkan dapat meringankan beban kakitangan awam yang memerlukan. Turut hadir di majlis ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Dr. Anis bin Mahmud @ Abdul Samad.





“  
**BICARA  
PSIKOLOGI**  
”

Artikel Oleh :  
**Yusfahida binti Mohd Yusoff**  
*Penolong Pegawai Psikologi,  
Cawangan Pengurusan Psikologi,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Kementerian Pertahanan*



# TIPS MENJADIKAN HIDUP ANDA LEBIH BERMAKNA

Hidup di dunia ini ada kalanya perlu dinikmati. Namun, tidak ramai orang yang mampu untuk menikmatinya. Saban hari tuntutan pekerjaan kian membebankan sehingga kita alpa untuk menjalani kehidupan yang seimbang. Kesibukan dalam melaksanakan pekerjaan serta memenuhi *Key Performanced Indicator* (KPI) sehingga menghadapi tekanan seterusnya menyebabkan depresi.

Dalam kesibukan melaksanakan pekerjaan serta aktiviti seharian bersama tersayang perlunya juga menjalani kehidupan yang sihat secara produktif dan bermotivasi. Secara tidak langsung, anda lebih bersemangat dan berfikiran positif menghadapi liku-liku kehidupan yang sebenar. Ikuti perkongsian di bawah dan ketahui enam (6) tips yang bermanfaat untuk menjadikan hidup anda lebih bermakna.



## ENAM (6) TIPS MENJADIKAN HIDUP ANDA LEBIH BERMAKNA

### 1 “Saya Maafkan Kamu”

Tiada siapa yang boleh atau memaksa anda untuk memaafkan. Namun, dengan memaafkan itu dapat menyembuhkan luka, menghapuskan dendam serta membersihkan hati. Memaafkan juga merupakan kemenangan terbaik untuk menjadikan hidupmu lebih bahagia dan semangat.

### 2 “Tolong Maafkan Saya”

Memohon maaf bukanlah bermaksud anda lemah atau mengakui kekalahan. Ia menunjukkan bahawa anda mempunyai personaliti yang tersendiri untuk menjadikan diri anda lebih baik setiap hari. Sama ada dimaafkan atau tidak, memohon maaf itu bakal menjadikan dirimu lebih matang.

### 3 “Terima Kasih”

Hanya dua (2) patah perkataan, namun ia sangat sukar untuk diungkapkan. Ucapan ‘Terima Kasih’ sering dilupakan ketika menerima kebaikan. Sering kita abaikan kebaikan di sekeliling kita walaupun kecil namun luangkan sedikit masa untuk menghargai dengan ucapan terima kasih. Ia mampu menenteramkan jiwa dan emosi anda kembali ceria apabila melakukan perkara positif.

### 4 “Saya Sayang Kamu”

Kesibukan rutin harian menjadikan budaya kasih sayang itu semakin berkurangan. Sifat kasih dan sayang perlu menjadi asas penyatuan manusia dalam kehidupan

sebenar. Ekspresikan kasih sayang melalui ungkapan atau tindakan kepada orang yang signifikan dalam hidupmu tanpa mengira waktu. Sifat kasih sayang akan mencetuskan perasaan gembira pada orang lain serta menghilangkan kesedihanmu. Anda akan rasa kasih sayang itu menjadi kekuatan dalam kehidupan.

### 5 “Selamat Tinggal”

Ucapkan selamat tinggal kepada pemikiran dan emosi negatif. Berusahalah untuk menguruskan pemikiran dan emosi agar lebih konstruktif dan membina. Anda akan berupaya melihat kehidupan dari perspektif berbeza.

### 6 “Buat Perubahan Dengan Langkah Yang Kecil”

Anda sering mendambakan perubahan untuk sebuah kehidupan yang lebih baik. Namun anda sering berfikir dimanakah permulaannya sehingga pada akhirnya anda hanya bisa berdiam diri dan menyerahkan kepada orang lain untuk memikirkannya. Anda boleh menjadikan hidup anda lebih bermakna dengan menjadikan dunia ini lebih baik. Mulakan dengan sekecil-kecil tindakan kerana lama kelamaan, tindakan itu akan membawa perubahan besar dalam kehidupan anda.







## SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Selain tradisi pengagihan bubur lambuk di bulan Ramadan, penyampaian sumbangan Hari Raya Aidilfitri juga turut menjadi amalan murni rakyat Malaysia. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada warga kerjanya. Penyampaian sumbangan ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan dan diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM pada 14 April 2022 bertempat di Dewan Auditorium Wisma Pertahanan.

Bagi menghargai sumbangan serta jasa yang diberikan oleh anggota ATM dalam mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara, sebanyak 77 wakil dari syarikat, badan korporat serta individu telah memberikan sumbangan berbentuk barangan serta wang tunai dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,881,180.00. Simbolik acara penyerahan adalah berbentuk *mockup cheque* dan disampaikan kepada YB Menteri Kanan Pertahanan mewakili ATM.

Selain itu, YB Menteri Kanan Pertahanan turut mengumumkan beberapa inisiatif terbaharu bagi warga ATM seperti kebenaran pengeluaran simpanan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

untuk menunaikan haji dan menyambung pelajaran berkuatkuasa 15 April 2022, menaikkan elaun Persinggahan Pelabuhan Luar Negara kepada anak kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kepada RM50 sehari dan menaikkan jumlah Faedah Ganti Cuti Rehat (FGCR) kepada 160 hari serta bayaran pendahuluan FGCR sebanyak 80 hari cuti seperti penjawat awam yang lain. Beliau juga turut menyampaikan beg berisi pelbagai barangan dan makanan kepada Panglima-Panglima Perkhidmatan sebagai simbolik kepada penyerahan 15,000 buah beg untuk diagihkan kepada anggota ATM yang bertugas menjaga keselamatan negara di perbatasan semasa Hari Raya Aidilfitri.





“  
**TAHUKAH  
ANDA?**  
”




APLIKASI

# MyWIRA

KEMUDAHAN PENCARUM  
DI HUJUNG JARI!

**MUAT TURUN  
SEKARANG!**

MUAT TURUN DI



 MyWIRA  LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA  @LTATmy  @myltat





## Agenda perumahan

Merupakan antara program penting MinDef khususnya dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan kakitangan awam. Pelaksanaan Blueprint Perumahan 3.0 dibahagikan kepada tiga (3) objektif utama seperti berikut:

- Pembinaan perumahan RKMAT
- Penyelenggaraan perumahan untuk ATM, awam MinDef dan Veteran ATM
- Pemilikan rumah untuk **WARGA PERTAHANAN**

## Empat program

Perumahan utama di dalam Blueprint Perumahan 3.0 adalah:

- a) Pembangunan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT)
- b) Senggaraan Awam dan Naik Taraf RKMAT 2 to 1
- c) Program Pemilikan Rumah Mampu Milik
- d) Program Perumahan Veteran ATM

## Blueprint Perumahan 3.0

Memberi penekanan kepada:

- a) **Meningkatkan tahap kualiti hidup** dan **keselesaan** anggota-anggota tentera dan keluarga mereka
- b) **Meningkatkan moral** anggota-anggota untuk terus memberi khidmat dengan lebih cemerlang dan komited di samping dapat mencapai teras misi nasional dalam membangunkan modal insan yang berkualiti
- c) **Menyediakan kemudahan komuniti** yang lebih **sistematik** dan **teratur**
- d) **Mengurangkan perbelanjaan** kerajaan untuk jangka masa panjang



Untuk maklumat lanjut, sila layari media sosial